


Oleh NURUL NAFISAH MAZLAN
 Foto MOHD. SHAHARANI SAIBI

34

WANITA digalakkan
menjalani ujian
pap smear
sekurang-kurangnya
sekali setahun.

Kesan kanser pangkal rahim lebih awal

 kosmo
 11/11/16
 mls-34


SETIAP 14 jam
seorang pesakit
meninggal dunia
akibat kanser.
– Gambar hiasan

CONTOH virus
HPV atau virus
papilloma manusia.
– Gambar hiasan

MEDIK

SELAIN barah payudara, kanser pangkal rahim merupakan kanser yang paling ditakuti oleh golongan wanita.

Menurut Persatuan Kanser Kebangsaan (NCSM), kanser pangkal rahim atau dikenali kanser serviks merupakan kanser kedua pembunuh wanita di seluruh dunia selepas kanser payudara.

Dianggarkan kira-kira 2,000 hingga ke 2,500 kes kanser pangkal rahim baharu dicatatkan pada setiap tahun.

Lebih membimbangkan setiap 14 jam, seorang pesakit akan meninggal dunia akibat kelewatan mengesan sel kanser.


Kanser pangkal rahim berlaku apabila terdapat keabnormalan sel pada pangkal tersebut.

Pangkal rahim ialah bahagian sempit yang terletak di bawah rahim. Ia menyambungkan rahim dengan faraj. Rahim pula bertindak sebagai ruang tumbesaran janin.

Tahap ketiga

Menurut Pengarah Urusan Ladiy Healthcare, Romli Ishak yang berpengalaman luas dalam bidang kanser serviks, kanser tersebut mula menyerang wanita dalam tempoh yang cukup lama.

"Ia boleh menyerang manusia dalam tempoh lima hingga dua dekad lamanya tanpa pengetahuan empunya diri.



PERBEZAAN antara serviks normal (kiri) dan serviks yang telah dijangkiti kanser (kanan).

"Sel yang terbentuk di dalam badan mengambil masa untuk pecah sebelum menjadi barah.

"Apabila sel berkenaan pecah, lazimnya pesakit akan terus mengalami kanser tahap ketiga," katanyapada seminar kesihatan yang dianjurkan Lajnah Muslimat Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz, Petaling Jaya baru-baru ini.

Romli berkata, kebanyakan wanita tidak mempunyai sebarang tanda atau gejala penyakit itu pada peringkat awal.

Sehubungan itu, wanita

digalakkan menjalani ujian *pap smear* sekali setahun untuk mengesan sel perubahan yang luar biasa tetapi bagi kebanyakan kes, melakukan ujian itu semata-mata tidak akan dapat mengesan sel kanser.

"Kajian mendedahkan, seorang daripada 10 wanita yang diuji menggunakan ujian HPV (virus *papilloma* manusia) mengalami keputusan positif penyakit itu meskipun keputusan *pap smear* mereka normal," ujarnya.

Sehubungan itu, wanita

digalakkan menjalani *pap smear* dan ujian HPV kerana ia mampu mengesan 100 peratus keganjilan sel pada serviks.

Bagi ujian *pap smear*, kaum wanita boleh melakukannya di klinik kesihatan berdaftar manakala ujian HPV boleh dilakukan di mana-mana hospital swasta.

Pembunuh senyap

Bagaimanapun, wanita di negara ini begitu sinonim dengan sifat pemalu.

Berdasarkan kajian Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE) Universiti Putra Malaysia, laporan tahunan Kementerian Kesihatan 2011 menunjukkan hanya 21 peratus daripada keseluruhan wanita yang layak menjalani ujian *pap smear* tampil membuat ujian saringan.

Selebihnya lebih merasakan pemeriksaan itu tidak penting, tiada masa, menyakitkan, kurang pengetahuan dan belum tiba masa.

"Golongan wanita harus sedar bahawa penyakit kanser merupakan pembunuh senyap dan ia boleh menyerang sesiapa sahaja," ujarnya yang turut menjalankan usaha bersama CaRE dalam penyelidikan kanser serviks.

Antara golongan yang berisiko mendapat penyakit itu ialah wanita yang mula melakukan hubungan seks tetapi jarang menjalankan saringan, mengadakan hubungan seks pada usia muda, obes, merokok dan imunisasi yang lemah.



ROMLI